

| | | | |
|------------|-----------------|-------------|---------------------|
| Headline | UMUM | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 02 Sep 2016 | Color | Full Color |
| Section | Letters | Circulation | 171,663 |
| Page No | 15 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 132 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,633 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,899 |



UMUM

■ BANGGA dengan Tabung Haji yang cukup dikenali sebagai pengendali jemaah haji terbaik hingga negara-negara lain berusaha mencontohnya. Perkara tersebut turut diakui sendiri oleh kerajaan Arab Saudi.

HAJI YA

■ MEMANG wajar pelari pecut negara, Khairul Hafiz Jantan dihantar berlatih ke Amerika Syarikat kerana negara tersebut mempunyai pengalaman dalam melahirkan pelari pecut yang hebat.

MAN JASIN

■ HARAP pihak berkuasa membuat siasatan rapi terhadap segala provokasi dan kebiadaban Namewee. Tak musahil ada peraja dan dalang di belakang perbuatannya itu.

ALOGKUIH

■ PERBUATAN Namewee menerbitkan klip video yang menyentuh sensitiviti agama khususnya Islam adalah sesuatu yang tidak boleh diterima.

JRMA

■ USAHA menyediakan skuad pelapis badminton perlu dilakukan bermula sekarang. Misi kita selepas ini adalah emas Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan

kejuaraan Piala Thomas.

BADMINTON KAMPUNG

■ KEPADA semua penyumbang pingat dalam Sukan Olimpik Rio 2016, saya antara jutaan rakyat Malaysia yang mengucapkan tahniah dan terima kasih.

019-542XXXX

■ SETUJU dengan cadangan supaya BAM dan kelab-kelab badminton profesional bergabung tenaga dalam usaha mencari pemain badminton terbaik bagi mewakili negara dalam kejohanan besar akan datang.

PEMINAT RASHID

■ SYUKUR alhamdulillah Ibrahim Noor terselamat dalam serangan buaya ketika dia dan beberapa rakannya sedang menjala udang di Sungai Gong Ketereh, Kelantan, baru-baru ini.

AWANG

■ MUDAHNYA kuasa asing mempermainkan kita. Sampai kita membuat spekulasi dan tuduh-menuduh sesama sendiri.

RZ

■ TAHNIAH kepada Proton kerana berjaya melancarkan model Persona generasi baharu. Harap model ini bebas daripada masalah teknikal.

012-541XXXX